



**PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH BALING
09100 BALING, KEDAH DARUL AMAN.**

**KEJOHANAN OLAHRAGA
MSS DAERAH BALING KALI KE-41
TAHUN 2025**

NAMA KEJOHANAN

**KEJOHANAN OLAHRAGA MAJLIS SUKAN SEKOLAH
DAERAH BALING KALI KE-41 TAHUN 2025**

ANJURAN

**UNIT SUKAN
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH BALING**

KELOLAAN

**MAJLIS SUKAN SEKOLAH DAERAH BALING
DAN
SMK BALING**

TARIKH

16 – 19 JUN 2025

TEMPAT

PADANG SMK AGAMA BALING

**PERATURAN PERTANDINGAN
KEJOHANAN BALAPAN DAN PADANG MSS DAERAH BALING
KALI KE-41 TAHUN 2025**

1. UNDANG-UNDANG PERTANDINGAN

Kejohanan ini dijalankan mengikut Undang-Undang Kesatuan Olahraga Amatir Malaysia (KOAM) 1996/1997 dan peraturan-peraturan Am MSSM.

2. ACARA SERTA UKURAN & TIMBANGAN ALAT PERTANDINGAN

KOD ACARA	ACARA	LELAKI					PEREMPUAN				
		18 TKB	15 TKB	13 TKB	12 TKB	10 TKB	18 TKB	15 TKB	13 TKB	12 TKB	10 TKB
1	100 meter	X	X		X	X	X	X		X	X
2	200 meter	X	X		X		X	X		X	
3	400 meter	X	X	X			X	X	X		
4	800 meter	X	X				X	X			
5	1000 meter				X					X	
6	1500 meter	X	X	X			X	X	X		
7	3000 meter (T)	X					X				
8	80 meter Lari Berpagar				X 0.762 m		-	-		X 0.762 m	
9	100 meter Lari Berpagar						X 0.762 m	X 0.762 m			
10	110 meter Lari Berpagar	X 0.914 m	X 0.838 m				-	-			
11	200 meter Lari Berpagar		X 0.838 m				-	X 0.762 m			
12	400 meter Lari Berpagar	X 0.838 m					X 0.762 m	-			
13	3000 meter JK							X			
14	5000 meter JK	X	X				X				
15	Lompat Tinggi	X	X		X	X	X	X		X	X
16	Lompat Jauh	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X
17	Lompat Kijang	X	X				X	X			
18	Melontar Peluru	X 5.00 kg	X 4.00 kg		X 2.72 kg	X 2.00 kg	X 3.00 kg	X 3.00 kg		X 2.72 kg	X 2.00 kg
19	Melempar Cakera	X 1.50 kg	X 1.00 kg	X 1.00 kg			X 1.00 kg	X 1.00 kg	X 1.00 kg		
20	Merejam Lembing	X 700 g	X 600 g				X 500 g	X 500 g			
21	4 X 100 m	X	X		X		X	X		X	
22	4 X 200 m				X					X	
23	4 X 400 m	X	X				X	X			
24	Heptathlon						X Terbuka				
25	Octathlon	X Terbuka									
	JUMLAH	18	18	4	9	4	18	18	4	9	4

3. PENYERTAAN

- 3.1 Sekolah Menengah – terbuka kepada semua sekolah menengah.
Sekolah Rendah – terbuka kepada semua sekolah rendah.
- 3.2 Umur dikira pada **1.1.2025**.
- 3.3 Bagi semua penyertaan lelaki dan perempuan tiap-tiap kontinjen hanya dibenarkan menghantar **TIDAK LEBIH** daripada **dua(2) orang** peserta untuk satu acara perseorangan dan **satu(1) pasukan** sahaja bagi satu acara berpasukan.
- 3.4 Seseorang peserta bagi kategori **B13, B15 dan B18** lelaki dan perempuan hanya dibenarkan mengambil bahagian **TIDAK LEBIH** daripada **tiga (3)** acara perseorangan **TIDAK TERMASUK** acara lari berganti-ganti.
- 3.5 Seseorang peserta yang mengambil bahagian dalam **acara Octathlon dan Heptathlon TIDAK DIBENARKAN** mengambil bahagian dalam acara individu dan terbuka yang lain **KECUALI** acara lari berganti-ganti sahaja.
- 3.6 Setiap pasukan dibenarkan menghantar tidak lebih daripada **3 orang** peserta sahaja bagi acara Terbuka.
- 3.7 Bagi kategori **B12 lelaki dan perempuan**, setiap Zon dibenarkan menghantar **empat(4)** orang peserta bagi setiap acara individu dan **dua (2)** pasukan bagi acara berpasukan yang dipertandingkan.
- 3.8 Seseorang peserta bagi kategori **B12** lelaki dan perempuan hanya dibenarkan mengambil bahagian **TIDAK LEBIH** daripada **dua(2) acara** perseorangan sahaja dan **dua (2)** berkumpulan
- 3.9 Sesuatu acara itu tidak akan dipertandingkan sekiranya terdapat hanya **satu (1) Sekolah atau Zon** yang bertanding. **ATAU kurang dari TIGA (3) peserta yang bertanding.**
- 3.10 Bagi kategori **B10 lelaki dan perempuan**, setiap Zon dibenarkan menghantar **dua(2)** orang peserta bagi setiap acara dipertandingkan.
- 3.11 Seseorang peserta bagi kategori **B10** lelaki dan perempuan hanya dibenarkan mengambil bahagian dalam **satu(1) acara** sahaja.
- 3.12 Penyertaan atlet **Tingkatan 6 rendah** berumur 18 tahun dibenarkan bertanding.
- 3.13 Atlet kategori **B13** **dibenarkan** bertanding untuk kategori **B15**, **tetapi tidak dibenarkan mendaftar bagi acara yang sama bagi kategori yang berbeza.**

4. PENDAFTARAN PESERTA-PESERTA

- 4.1 Pendaftaran peserta –peserta hendaklah dibuat sebelum atau selewatnya pada _____ **Jun 2025** dengan menggunakan sistem on-line yang akan disediakan. Tarikh sistem dibuka untuk pendaftaran akan dimaklumkan kemudian. Semua butiran yang diperlukan hendaklah diisikan sepenuhnya. Pendaftaran yang telah lengkap diisi hendaklah dicetak dan disimpan sebagai rujukan. Satu salinan pendaftaran hendaklah dicetak dan dihantar ke:

**Pengerusi Jawatankuasa Pertandingan
Kejohanan Olahraga MSS Daerah Baling Kali ke-41
Pejabat Pendidikan Daerah Baling
09100 Baling
(u.p. Setiausaha MSS Daerah Baling)
SMK Jerai**

- 4.2 Semua peserta Bawah 10 dan Bawah 12 dikehendaki mengemukakan salinan surat beranak yang disahkan oleh Guru Besar sekolah yang berkenaan bersama-sama borang penyertaan. Penyertaan tanpa dokumen di atas tidak sah dan batal.
- 4.3 Peserta mestilah terdiri daripada pelajar sekolah yang berdaftar dengan sekolah-sekolah yang menjadi ahli MSSK di Daerah Baling.

5. PERTUKARAN PESERTA, PENARIKAN DIRI DAN GANTIAN

- 5.1 Taklimat Pengurus-Pengurus Pasukan. Semasa taklimat ini diadakan, Pengurus-Pengurus Pasukan hanya dibenar mengemukakan:
- 5.1.1 **Penarikan** diri peserta-peserta tanpa pengganti, sebarang penyertaan baru / Pertukaran peserta tidak dibenarkan.
- 5.1.2 **Pengesahan** peserta-peserta bagi acara lari berganti-ganti.
- 5.2 Penarikan diri semasa kejohanan
- 5.2.1 Maklumat tentang penarikan diri semasa kejohanan dijalankan hendaklah disampaikan kepada Pengelola Peserta dan Pengurus kejohanan sekurang-kurangnya 15 minit sebelum sesuatu acara seperti tercatat di dalam susunan acara.
- 5.2.2 Seseorang peserta yang menarik diri daripada mana-mana acaranya selepas mengambil bahagian dalam pusingan awal tanpa surat pengesahan sakit/cedera daripada Pegawai Perubatan atau kebenaran bertulis daripada Pengurus Kejohanan adalah dianggap sebagai menarik diri daripada semua acara yang didaftarkan atas namanya.
- 5.2.3 Seseorang peserta yang menarik diri daripada mana-mana acaranya atas nasihat Pegawai Perubatan atau kebenaran bertulis daripada Pengurus Kejohanan hanya boleh mengambil bahagian seterusnya dalam acara-acara yang didaftarkan atas namanya.
- 5.2.4 Peserta-peserta yang tidak cedera dan layak memasuki peringkat akhir tidak dibenarkan menarik diri. Sekiranya berbuat demikian, penyertaan mereka dalam acara-acara selanjutnya akan dibatalkan. Keputusan Pengurus Kejohanan adalah muktamad.
- 5.2.5 Penggantian dalam acara lari berganti-ganti dibenarkan kepada semua peserta yang didaftar dalam kategori berkenaan dalam borang Penyertaan Rasmi.

6. MELAPORKAN DIRI PESERTA

- 6.1 Semua peserta hendaklah melaporkan diri sekurang-kurangnya 30 minit bagi acara balapan 45 minit bagi acara padang sebelum waktu acara berkenaan dijadualkan berlangsung. Peserta-peserta hendaklah bersedia dengan nombor-nombor yang ditetapkan dan hendaklah bersedia dengan nombor-nombor tersebut.
- 6.2 Peserta-peserta yang lewat melaporkan diri iaitu 15 minit sebelum acara dimulakan TIDAK dibenarkan mengambil bahagian untuk acara tersebut dan dianggap sebagai telah menarik diri.
- 6.3 Pengurus Pasukan hendaklah memaklumkan kepada Pengelola Peserta sekiranya terdapat peserta sedang mengambil bahagian dalam acara lain semasa panggilan peserta dibuat.

7. CARA MEMUTUSKAN JOHAN DAN PENENTUAN KEDUDUKAN

7.1 Johan Keseluruhan

7.1.1 Johan menengah akan ditentukan berdasarkan kepada jumlah pungutan pingat emas oleh peserta lelaki dan perempuan dalam kelas 1, 2 dan 3.

7.1.2 Johan rendah akan ditentukan berdasarkan kepada jumlah pungutan pingat emas oleh peserta lelaki dan perempuan dalam kelas 4 dan 5.

7.1.3 : Jika ada dua atau lebih pasukan mendapat pingat emas yang sama, perkiraan berikut akan diberi keutamaan:

- a. Jumlah pingat perak yang lebih**
- b. Jumlah pingat gangsa yang lebih**

7.1.4 Jika masih seri , pasukan-pasukan berkenaan akan diistiharkan pemenang bersama.

7.2 Trofi Peserta Terbaik:

7.2.1 Peserta Terbaik Kelas 1 – Bawah 18 Tahun (Lelaki dan Perempuan)

7.2.2 Peserta Terbaik Kelas 2 – Bawah 13@15 Tahun (Lelaki dan Perempuan)

7.2.3 Peserta Terbaik Kelas 3 – Bawah 12Tahun(Lelaki dan Perempuan)

7.2.4 Peserta Terbaik Kelas 4 – Bawah 10 Tahun(Lelaki dan Perempuan)

7.2.5 Hadiah-hadiah Peserta Terbaik akan diberikan kepada peserta-peserta lelaki dan perempuan berdasarkan kepada kejayaan mencatat rekod MSSM atau MSSK atau MSSD (mana-mana lebih baik pencapaiannya) dan jangka masa rekod.

7.2.6 Sekiranya tidak ada catatan rekod baru dibuat , jumlah pungutan pingat emas dalam acara-acara individu akan diambil kira

7.2.7 Sekiranya pungutan emas masih sama , pungutan pingat perak dan gangsa dalam acara –acara individu akan diambil kira.

7.2.8 Sekiranya kedudukan masih juga sama , maka mata merit acara yang dimenangi akan diambilkira.

- 7.3 Olahragawan/Olahragawati**
Hadiah ini akan diberi kepada SEORANG peserta lelaki dan SEORANG peserta perempuan dari Kelas 1 , 2 , 3 dan 4 yang dipilih berdasarkan perkara berikut :
- 7.3.1 : Hadiah-hadiah olahragawan/olahragawati akan diberi kepada kalangan peserta-peserta Lelaki/Perempuan Terbaik berdasarkan kejayaan mencatat rekod MSSM atau MSSK atau MSSD (mana-mana lebih baik pencapaiannya) dan jangka masa rekod**
- 7.3.2 Sekiranya tidak ada catatan rekod baru dibuat , jumlah pungutan pingat emas dalam acara-acara individu akan diambil kira**
- 7.3.3 Sekiranya pungutan emas masih sama , pungutan pingat perak dan gangsa dalam acara –acara individu akan diambil kira.**
- 7.3.4 Sekiranya kedudukan masih juga sama , maka mata merit acara yang dimenangi akan diambil kira.**

8. BANTAHAN

- 8.1** Segala bantahan hendaklah dibuat mengikut peraturan 147 KOAM kecuali perkara-perkara berikut:
- 8.1.2** Jika masalah berkenaan berkaitan dengan kelayakkan (status) seseorang peserta tidak dapat diselesaikan dengan memuaskan sebelum pertandingan bermula, maka peserta tersebut boleh mengambil bahagian di bawah bantahan (under protes), perkara tersebut akan dikemukakan kepada MSSK Daerah Baling kelak.
- 8.1.3** Bantahan mengenai sesuatu acara yang dipertandingkan hendaklah dibuat serta merta dan tidak lewat daripada 30 minit selepas keputusan rasmi diumumkan.
- 8.1.4** Semua bantahan hendaklah dibuat secara bertulis kepada Juri Rayuan bersama-sama wang pertaruhan RM 100.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ratus Sahaja).

9. HAK-HAK JAWATANKUASA PENGELOLA

- 9.1** Tiap-tiap acara akan dijalankan mengikut masa dan tarikh yang ditetapkan, tetapi Jawatankuasa Pengelola dengan persetujuan Pengurus Kejohanan berhak membuat sebarang pindaan. Pengurus-pengurus akan diberitahu kemudiannya.
- 9.2** Jawatankuasa Pengelola berhak membuat sebarang pindaan perkara yang tidak tersedia dalam peraturan-peraturan ini, peraturan Am MSSK atau Undang-undang KOAM.
- 9.3** Jawatankuasa Pengelola tidak bertanggungjawab di atas sebarang kecederaan/kemalangan yang berlaku semasa pertandingan sedang dijalankan walaupun beberapa kemudahan disediakan untuk mengelaknya.
- 9.4** Jawatankuasa Pengelola tidak bertanggungjawab di atas kehilangan barang- barang kepunyaan peserta-peserta dan pegawai-pegawai di mana-mana sahaja semasa kejohanan dijalankan.

10. KELAYAKAN KE PERINGKAT AKHIR:

10.1 Peserta balapan yang layak/terpilih ke peringkat akhir adalah seperti berikut:

Saringan	Kelayakan
Sekiranya 2 saringan	Pemenang tempat pertama, kedua dan ketiga bagi saringan 1 dan saringan 2 layak ke peringkat akhir dan dua(2) peserta pencatat masa terbaik bagi keseluruhan saringan layak ke peringkat akhir.
Sekiranya 3 saringan	Pemenang tempat pertama dan kedua bagi tiap-tiap saringan layak ke peringkat akhir dan dua(2) peserta pencatat masa terbaik bagi keseluruhan saringan layak ke peringkat akhir .
Sekiranya 4 saringan/	Pemenang tempat pertama bagi tiap-tiap saringan/separuh akhir layak ke peringkat akhir dan empat(4) peserta pencatat masa terbaik bagi keseluruhan saringan layak ke peringkat akhir
Sekiranya 5 / 6 / 7 saringan	Pemenang tempat pertama bagi tiap-tiap saringan layak ke peringkat akhir dan peserta pencatat masa terbaik bagi keseluruhan saringan layak peringkat akhir.
Sekiranya 8	Pemenang tempat pertama bagi tiap-tiap saringan layak ke peringkat akhir

10.2 Sekiranya masih juga kedudukan sama, cabutan undi akan dilakukan di hadapan Setiausaha MSS Daerah, Pengurus Kejohanan dan Urusetia Kejohanan untuk menentukan peserta yang layak ke Peringkat Akhir.

10.3 Semua pengundian untuk saringan, separuh akhir, akhir dan lorong semasa kejohanan dijalankan akan dilakukan oleh Jawatankuasa Kecil Pertandingan dengan pengawasan ahli-ahli Juri Rayuan. Jawatankuasa Kecil Pertandingan dan Keputusan Rasmi akan mencetak dan menyerahkan kepada Jawatankuasa Kecil Pertandingan.

11. "PACING" DAN BERSORAK DARI GELANGGANG:

Semua peserta dan pegawai pasukan masing-masing atau sesiapa sahaja **TIDAK DIBENARKAN** sama sekali bersaing (pacing) dengan mana-mana peserta yang sedang bertanding. Jika perkara ini berlaku, peserta tersebut dibatalkan. Bersorak dari dalam arena gelanggang **TIDAK DIBENARKAN**.

12. LARI BERGANTI-GANTI:

12.1 Selepas memberi baton (change over) peserta-peserta hendaklah berada dalam lorong masing-masing hingga pertukaran baton keseluruhannya selesai supaya tindakan ini tidak mengganggu pasukan-pasukan lain

12.2 Semua peserta dilarang sama sekali membaling atau melambung baton selepas sesuatu perlumbaan.

12.3 Jika peserta lari berganti-ganti (yang berdaftar dalam borang A-borang utama) cedera sakit dan disahkan tidak dapat meneruskan perlumbaan oleh pegawai perubatan maka layaklah/bolehlah diganti oleh mana-mana peserta yang berdaftar di dalam borang A (Borang Utama).

13. NOMBOR PESERTA & HURUF:

13.1 Ukuran saiz kain nombor peserta ialah **15cm X 25cm.** (semua kategori)

13.2 ZON RENDAH

ZON	SINGKATAN	NO PESERTA	HURUF
BALING	ZB	100 - 199	A
KUALA PEGANG	ZKP	300 - 399	C
KUALA KETIL	ZKK	400 - 499	D

CONTOH NOMBOR PESERTA BAWAH 12 TAHUN



WARNA KAIN : **BIRU MUDA**(SEMUA ZON)

WARNA HURUF DAN NOMBOR : ZON BALING MERAH
: ZON KUALA PEGANG HITAM
: ZON KUALA KETIL OREN

13.3 SEKOLAH MENENGAH

	SEKOLAH	SINGKATAN	NOMBOR	HURUF
1	SMK SIONG	SMS	001-099	U
2	SMK BALING	SMB	100-199	R
3	SMK TUNKU PUTERA	SMTP	200-299	W
4	SMK JERAI	SMJ	300-399	V
5	SMK KUALA KETIL	SMKK	400-499	N
6	SMK KUALA PEGANG	SMKP	500-599	J
7	SMK TELOI KANAN	SMTK	600-699	T
8	SMK SYED ABU BAKAR	SMSAB	900-999	A
9	SMK PARIT PANJANG	SMPP	1000-1099	P
10	SMK TANJUNG PUTERI	SMTGP	1300-1399	H
11	SMK AGAMA BALING	SMAB	1500-1599	K
12	SMK MODEL KHAS	SMOD	1700-1799	D
13	SMK BAKAI	SMBKI	1800-1899	L
14	SABK AN NAJAH	SABKAN	1900-1999	M
15	MAKTAB RENDAH SAINS MARA	MRSM	2100-2199	Y
16	SMK BONGOR	SMBGR	2200-2299	C
17	MAKTAB MAHMUD	MM	2400-2499	I

CONTOH NOMBOR PESERTA BAWAH 15 TAHUN DAN BAWAH 18

A 000

WARNA KAIN : KATEGORI B18 LELAKI : OREN
: KATEGORI B18 PEREMPUAN : PUTIH
: KATEGORI B15 LELAKI : HIJAU
: KATEGORI B15 PEREMPUAN : KUNING

WARNA HURUF DAN NOMBOR : HITAM (SEMUA KATEGORI)

14. UKURAN TINGGI PERMULAAN UNTUK ACARA LOMPAT TINGGI

KELAS	PEREMPUAN	LELAKI
1	1.06m	1.40m
2	1.06m	1.30m
3	1.03m	1.20m
4	1.00m	1.10m

15. HAL-HAL LAIN

- 15.1 Tempat-tempat khas akan disediakan untuk peserta-peserta & pegawai-pegawai. Orang yang tidak berkenaan **DILARANG MASUK** ke tempat-tempat khas tersebut.
- 15.2 Selain daripada Pegawai-Pegawai Teknik yang bertugas, tidak sesiapaapun dibenarkan masuk ke arena pertandingan kecuali dengan kebenaran Pengurus Kejohanan.
- 15.3 Pemilihan peserta untuk mewakili MSSK Daerah Baling ke Kejohanan Balapan dan Padang MSS Kedah adalah berdasarkan keputusan Jawatankuasa Pemilihan.